

# Langkawi akan hilang taraf

Oleh SHARIFF HAMID

**LANGKAWI:** Taraf pelabuhan bebas cukai yang diberikan kepada Langkawi akan ditarik balik kerana pembangunan di pulau ini sudah mencapai tahap 'berdikari'.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi jaminan kerajaan tidak akan menariknya terburu-buru tanpa menjalankan kajian terperinci mengenai perkara itu.

"Kerajaan akan mengkaji tarikh yang sesuai untuk menarik balik taraf bebas cukai yang diberikan kepada Langkawi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pameran draf rancangan struktur Langkawi 1990-2005, di sini semalam.

Katanya, selama ini kemudahan pelabuhan bebas cukai yang diberikan adalah untuk membantu pembangunan Langkawi dan ia membabitkan pembiayaan bayaran cukai di tempat lain.

"Penarikan balik taraf bebas cukai itu akan dilakukan seperti di Pulau Pinang, apabila kedudukan ekonomi negeri itu dan segala aspek pembangunannya mampu membangun secara berterusan," katanya.

Menurutnya, beliau sedih kerana taraf bebas cukai yang diberikan itu dengan harapan barangan lebih murah dan tanah dimajukan secara komersil, tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

"Harapan kerajaan tidak menjadi kenyataan kerana kos tanah melambung naik dan

harga barang juga meningkat disebabkan peniaga membolot semua penurunan cukai untuk mendapatkan keuntungan berlebihan," katanya.

Perdana Menteri berkata harga barangan dan tanah jauh lebih tinggi daripada harga di tanah besar, termasuk di pusat membeli-belah terkemuka.

"Jadi, apa perlunya diberikan taraf bebas cukai kepada Langkawi sedangkan barangannya tetap mahal?

"Saya sebut perkara ini bukan kerana kerajaan menyesal atau berhasrat menarik balik taraf bebas cukai yang diberikan kepada Langkawi, tetapi semua pihak, khususnya penduduk tempatan, perlu menilai dan bersyukur dengan kemudahan yang diberikan.

"Janganlah bertindak sehingga nikmat yang diperolehi di pulau itu dihentikan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan rela mengorbankan hasil dan cukai untuk penduduk Langkawi, tetapi kesanggupan kerajaan semata-mata tidak akan memberi faedah.

Mengenai penjualan tanah di Langkawi, Perdana Menteri berkata penjualannya mungkin memberi keuntungan yang tinggi kepada tuan tanah, tetapi apabila pendapatan itu habis, mereka pasti menyesal.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan penduduk pulau ini supaya jangan menyalahkan kerajaan jika mereka terpaksa menumpang belas ihsan orang lain di pulau sendiri.